

01/10/2001

Rakyat Sarawak tunai mesej tolak pembangkang

Mior Kamarul Shahid

SELAMA beberapa hari di Sarawak minggu lalu, bahang kempen pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sarawak (DUN) tidak begitu dirasakan. Penduduk di Sarawak meneruskan kegiatan mereka seperti biasa. Yang berniaga terus berniaga, yang bekerja tetap bekerja dan di restoran atau gerai-gerai pula mereka berkumpul bercerita mengenai hal masing-masing sebagaimana lazimnya. Berbeza dengan keadaan di negeri lain terutama di Semenanjung, semua orang bercerita mengenai politik, tidak kurang juga yang mengadakan cerita untuk menjadikan perbualan lebih menarik.

Memang ada poster parti-parti politik yang bertanding dilekat atau digantung di sana sini, tetapi ia sekadar memenuhi syarat pilihan raya. Di sesetengah tempat, poster parti pembangkang nampaknya lebih mudah dilihat berbanding poster Barisan Nasional (BN). Ada juga di sesetengah tempat, tidak terdapat pun sebarang poster pun sama ada pembangkang atau BN. Terfikir juga, disebabkan mahu menjadi kebersihan Bandaraya Kuching, mereka tidak mahu mengotorkan bandar raya itu. Atau, mungkin juga kerana suasana ekonomi yang tidak begitu menggalakkan, mereka tidak mahu terlalu membazirkan wang.

Bagi mereka yang tidak biasa dengan keadaan politik di Sarawak, mungkin berasa gusar terutama melihat kempen BN yang tidak begitu nyata sama ada dalam mengaturkan ceramah atau menaikkan poster parti. Biasanya dalam mana-mana pilihan raya, bilangan ceramah dan poster yang digantung di merata tempat dianggap sebagai lambang kekuatan parti. Parti yang lebih banyak mengadakan ceramah atau memasang poster, dianggap sudah menang pusingan pertama, sebelum hari pengundian diadakan. Dalam sesuatu pilihan raya, biasanya, pengikut sesebuah parti juga sering dilihat berarak dari satu tempat ke satu tempat untuk mengikuti ceramah. Lebih ramai penduduk yang mengikuti ceramah, lebih yakin lah parti atau calon itu untuk memenangi pilihan raya berkenaan. Calon yang bertanding nampaknya lebih selesa menjalankan kempen dari rumah ke rumah daripada mengadakan syarahan terbuka.

Di Sarawak, kemenangan parti atau calon, tidak terletak kepada ceramah atau poster. Rakyat sudah membuat perkiraan lebih awal. Sama ada ceramah diadakan atau tidak, sama ada poster dipasang atau tidak, bukan lagi menjadi ukuran. Mereka sudah dari awal lagi meletakkan nasib mereka kepada BN. Kemenangan BN dalam pilihan raya itu dengan 60 kerusi diperolehi BN dan 2 kerusi, masing-masing satu Bebas dan DAP, jelas menunjukkan bahawa mereka tidak berkompromi dengan pihak yang cuba menggugat pentadbiran kerajaan negeri pimpinan Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Menjelang beberapa hari sebelum pengundian, kelihatan juga beberapa pemimpin sama ada menteri, timbalan menteri atau ketua-ketua parti mewakili BN berada di Kuching dan beberapa bahagian di Sarawak. Kehadiran mereka bukanlah untuk berkempen bermati-matian. Mereka berada di negeri itu sekadar mahu menunjukkan muka, menandakan sokongan kepada rakan mereka yang bertanding. Mereka tahu bahawa keadaan politik di Sarawak tidak langsung terancam. Oleh itu, tidak perlulah memberi penerangan seluas-luasnya kerana rakyat Sarawak sudah faham dengan keadaan dan perkembangan negara.

Rakyat Sarawak sedar kerajaan hari ini perlu terus diberi mandat mentadbir negara. Mereka tidak nampak parti lain yang mampu menyaingi BN. Melihat kepada bilangan kerusi yang dipertandingkan oleh pembangkang, rakyat Sarawak sedikit pun tidak nampak kemungkinan mereka mampu menyaingi

keberkesanan BN. Paling nyata, rakyat Sarawak tidak mudah terpengaruh dengan hasutan pembangkang sama ada dari dalam Sarawak sendiri atau Semenanjung Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga pengerusi BN, walaupun hanya berada sehari suntuk di Sarawak di saat-saat akhir menjelang hari pengundian, beliau sudah dapat membaca kemenangan besar BN. Sebagaimana dalam ucapannya pada majlis bersama rakyat dua hari sebelum pengundian, Dr Mahathir yakin bahawa rakyat Sarawak akan menolak parti pembangkang yang mahu menggugat kestabilan negara.

Beliau mahu, dalam pilihan raya kali ini rakyat Sarawak akan menyampaikan mesej mereka kepada parti pembangkang terutamanya dari Semenanjung bahawa kehadiran mereka di bumi kenyalang adalah tidak diperlukan sama sekali. Sememangnya mesej itu ditunaikan setelah Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Pas gagal memperoleh sebarang kerusi, malah undi yang diperoleh calon-calonnya tidak sedikit pun menampakkan kemungkinan mereka mampu bertapak di Sarawak.

(END)